

## KEMUNASABAHAN PUSAT PENGAJIAN TERAS DALAM MEREALISASIKAN JIHAD PENDIDIKAN

Hairol Anuar Hj Mak Din<sup>1</sup>, Intan Fadzliana Ahmad<sup>2</sup>,  
Mohamed Fairouz Bin Mohamed Fathillah<sup>3</sup>  
Fakulti Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

hairolanuar@kuis.edu.my<sup>1</sup>, intanfadzliana@kuis.edu.my<sup>2</sup>, mfairouz@kuis.edu.my<sup>3</sup>

### ABSTRAK

Pusat Pengajian Umum yang ditubuhkan oleh sebahagian besar universiti menawarkan subjek-subjek yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu subjek yang menjadi subjek wajib universiti, dan subjek-subjek yang berbentuk elektif. Jika di Pusat Pengajian Umum universiti-universiti lain, kesemua subjek yang ditawarkan ini dianggap sebagai pelengkap kepada landskap akademik fakulti semata-mata dan sekadar memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak yang berkepentingan sahaja. Berbeza dengan KUIS, matlamat utama penubuhan Pusat Pengajian Teras bukan semata-mata hanya untuk menjadi pelengkap atau pengendali subjek-subjek wajib MQA dan wajib universiti, tetapi lebih dari itu adalah untuk menjadi 'teras' KUIS sebagai universiti yang berhasrat merealisasikan pentafsiran adab melalui pendidikan dan dihayati dalam kehidupan sebagai insan beradab (insan ta'dibi). Hal ini seiring dengan Dasar Ta'dib KUIS melalui subjek-subjek teras universiti yang telah dibangunkan. Kertas ini membincangkan peranan dan kemunasabahan penubuhan Pusat Pengajian Teras sebagai tulang belakang kerangka pengajian pelajar di KUIS. Kewajaran penubuhannya adalah berasaskan justifikasi-justifikasi yang turut dinyatakan dalam perbincangan ini. Maklumat di dalam kertas ini adalah berasaskan pengalaman penulis sebagai seorang pentadbir, penyelidik, guru dan murid di institusi pengajian tinggi Islam. Pusat Pengajian Teras mempunyai peranan yang berbeza dari pusat pengajian umum yang hanya berperanan sebagai pelengkap kepada program pengajian pelajar. Pusat pengajian teras berperanan membentuk pandangan alam (*worldview*) pelajar yang merupakan 'teras' terpenting dalam meneruskan kelangsungan pengajian pelajar dalam bidang pengajian yang pelbagai. Pembentukan diri pelajar yang bermula dari peneguhan kekuatan 'dalaman' (*inner strength*) menjadi fokus utama sebuah pusat yang dipertanggungjawabkan menjadi 'teras' dan nadi sebuah institusi pendidikan. Kertas ini dinukilkan bagi menjelaskan kekeliruan makna terhadap peranan Pusat Pengajian Teras dalam memacu KUIS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang melahirkan insan ta'dibi.

**Kata Kunci** : Insan ta'dibi, pusat pengajian teras, jihad pendidikan, MPU, MQA

## PENGENALAN

Jihad merupakan juzuk penting yang kompleks dalam kehidupan insan. Ungkapan jihad di dalam sistem pendidikan kelihatan begitu janggal khusus buat golongan intelektual Islam walaupun hakikatnya umat Islam kini kian terjerumus ke dalam daerah demoralisasi dan dehumanisasi yang amat membimbangkan. Hal ini terjadi kerana setelah sekian lama landskap pendidikan di Malaysia dipusakai oleh sistem pendidikan warisan penjajah yang berorientasikan *eurocentric* serta jelas bercanggah dengan matlamat pendidikan menurut Islam yang sebenar.

Segala yang terjadi di dunia pendidikan masa kini harus dilihat dalam konteks misi *tahriry-tanwiry* (pembebasan-pencerahan). Kerana itu harus ada keberanian membangun sistem pendidikan alternatif yang bersemangat memperkasa, membebas dan mencerahkan. Selama ini yang terhasil dari system konvensional rata-rata adalah generasi yang lemah, memintaminta (pekerjaan), tidak mampu mencipta pekerjaan dan tidak mandiri. Anak-anak bangsa diasuh menjadi generasi penakut, mementingkan diri, hipokrit dan berpandangan sempit. Tidak sedikit pula yang telah mengalami pemandulan daya kreativiti, penumpulan sikap kritis dan tidak lagi memiliki idealisme (Siddiq Fadil 2012).

Berikutan itu, selaras dengan gagasan pendidikan Islam sebagaimana yang telah dimusyawarahkan di dalam Persidangan Dunia Pertama Pendidikan Islam yang berlangsung di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1977, kemudian Resolusi ‘*The Muslim Universities Vice-Chancellors/Presidents Forum 2010*’, dan Titah YTM Raja Dr Nazrin Shah di Kongres Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) seluruh Malaysia pada tahun 2011 (KUIS, 2011) maka KUIS mengorak langkah berani melakukan perubahan dengan mengembalikan dasar pendidikan Islam di institusi ini, dalam erti kata yang sebenar melalui pelan strategic KUIS iaitu ‘*from idealization to actualization*’ dan ‘*from model to module*’ (Buletin al-Hijrah, Vol:1/12).

Meletakkan Islam sebagai teras yang paling mendasar dalam kerangka pendidikan di KUIS adalah amat bertepatan dan wajar selaras dengan intipati terhadap konsep Islamisasi ilmu oleh sarjana-sarjana Islam terdahulu seperti Al-Ghazali, Ibnu Sina dan sarjana Islam kontemporari seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas. Sejajar dengan itu, adalah menjadi

suatu keperluan dan peri pentingnya bidang pemikiran, kemanusiaan, sains kemasyarakatan, dan sains tabii dikaji dan dibina semula. Caranya ialah dengan menjadikan Islam sebagai dasar dan teras bagi mencapai sebarang matlamat-matlamat baru bidang keilmuan berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Setiap disiplin ilmu mestilah disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif serta aspirasinya (al-Faruqi 1991). Di atas rasa tanggungjawab ini jugalah '*Transformation of KUIS*' dirangka khusus bagi tujuan untuk membentuk insan KUIS menjadi insan ta'dibi yang bukan sahaja memahami tetapi turut menghayati sepenuhnya tugas sebagai khalifah di bumi Allah SWT.

### **PUSAT PENGAJIAN TERAS: '*FROM IDEALIZATION TO ACTUALIZATION*'**

Aspirasi penubuhan Pusat Pengajian Akademik di KUIS telah direalisasikan dengan kewujudan Pusat Pengajian Teras (PPT). Cadangan kewujudan PPT ini adalah selaras dengan Laporan Bengkel Transformasi KUIS (Laporan Bengkel ToK 17-18 Oktober 2011). PPT bukan hanya memikul tanggungjawab menawarkan subjek-subjek bertaraf Wajib Kolej Universiti di bawah MQA, Wajib KUIS dan Wajib Fakulti, tetapi lebih mendasar dari itu, aspirasi penubuhan PPT ini adalah bagi menyediakan asas pandangan alam (worldview) yang menjadi 'teras' terpenting kepada para pelajar sebelum bersedia sepenuhnya untuk mengkhusus dalam bidang pengajian masing-masing mengikut fakulti. Berdasarkan tuntutan keperluan ini, kewujudan PPT adalah tepat pada masanya apabila fungsinya telah diperluaskan dan diperkasakan bagi merealisasikan matlamat KUIS menjadi Universiti Ta'dibi bagi melahirkan pelajar-pelajar yang menjadi cerminan insan beradab.

Oleh yang demikian, para pelajar KUIS wajib melalui dan mengikuti (wajib lulus) kesemua subjek-subjek kendalian PPT mengikut jumlah jam kredit yang telah ditetapkan di dalam struktur pengajian. Hal ini bagi memenuhi syarat untuk bergraduasi dan sebagai piawaian yang ditetapkan oleh pihak KUIS, dengan kelulusan dari pihak MQA. Objektif penubuhan PPT ini adalah berdasarkan kepada matlamat-matlamat berikut :

- 1) Mentransformasikan struktur organisasi fakulti dan jabatan selaras dengan Dasar Ta'dib KUIS untuk mewujudkan Universiti Ta'dibi yang mempunyai satu *niche* yang berbeza dengan IPT yang lain.

- 2) Menyediakan *framework* akademik yang tersusun selaras dengan hala tuju *Transformation of KUIS*
- 3) Menambah baik subjek-subjek yang sedia ada melalui silibus yang bukan sahaja diiktiraf oleh MQA dan pada masa yang sama menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh pengurusan KUIS dan selaras dengan pelan *Transformation of KUIS*.
- 4) Menyusun semula sistem pengajaran dan pembelajaran dengan menyepadukan falsafah memasjidkan universiti dengan memperkenalkan dasar Masjid sebagai Qalbu.


Matlamat utama penubuhan PPT di KUIS bukan hanya untuk mengendalikan subjek-subjek wajib MQA dan wajib universiti dengan lebih sistematik tetapi jauh lebih besar dan utama iaitu untuk menzahirkan pentafsiran adab di dalam dunia pendidikan dan diterjemahkan di dalam kehidupan insan yang menepati dengan Dasar Ta'dib KUIS melalui subjek-subjek teras yang dirangka khusus. Pembangunan kurikulum bagi semua subjek-subjek di PPT menetapkan Islam sebagai paksi utama yang 'mengikat' (*binding*) penghuraian dan syarah sukatan kurikulum bagi subjek-subjek di KUIS tanpa melanggar sempadan kehendak yang diputuskan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dan berkepentingan. Pembangunan kurikulum bagi subjek-subjek PPT telah melalui pelbagai fasa pembangunan termasuk bengkel, kelulusan mesyuarat dekan dan senat, semakan panel dalam, panel industri dan panel akademik luar serta kelulusan MQA. Ini bertujuan untuk menjamin mutu dan kualiti kurikulum yang dibangunkan selaras dengan halatuju KUIS dalam melahirkan insan beradab, dapat direalisasikan.

Hasrat untuk membentuk pelajar KUIS yang kompeten, memahami syahadah dan mencapai tahap '*Abidin, Zuhhad* dan '*Arifin* di dalam erti kata yang sebenar dan mencapai tahap kecintaan kepada Allah SWT bukanlah sekadar teori dan falsafah semata-mata apabila usaha ini dipikul sebagai satu amanah besar oleh PPT. PPT memikul peranan yang cukup penting di dalam menyediakan 'kanvas kuning' (*Islam as Core*) sebagai asas pendidikan kepada para pelajar, sebelum mereka dicorakkan dengan 'kanvas biru' (*Core Competency*) oleh fakulti masing-masing mengikut bidang pengkhususan.

**MODEL PUSAT PENGAJIAN TERAS KUIS: ‘FROM MODEL TO MODULE’**

Kerangka teori yang melingkari kemunasabahan kewujudan Pusat Pengajian Teras secara makronya adalah berpandukan ‘*Model Skema Umum Ilmu dan Klasifikasinya*’ yang dianjurkan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1978). Model ini dirancang dalam susunan berperingkat agar sesuai dengan tahap masing-masing tingkat. Model ini boleh digambarkan seperti rajah di bawah:

Rajah: Model skema umum ilmu dan klasifikasinya serta sistem aturan dan disiplin menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas



\*Dipetik daripada ‘Islam dan Sekularisme’ (Al-Attas 1993)

Menurut Al-Attas, titik mula kecemerlangan sistem pendidikan bertitik tolak dari institusi pendidikan tinggi (IPT), terutamanya universiti. Ini kerana keluaran dari IPT-lah yang akan memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan dalam sesebuah masyarakat dan

negara, termasuk membentuk dasar, kurikulum, dan melatih tenaga pengajar bagi pendidikan pada tahap bawahan seperti pada peringkat tadika, rendah, dan menengah (Wan Nor Wan Daud 2006). Oleh yang demikian, Al-Attas (1993) telah mengetengahkan model sebagaimana yang tergambar di dalam rajah di atas.

Beliau telah mengetengahkan beberapa konsep mengenai hakikat dan tujuan ilmu mengikut pandangan Islam dan menunjukkan hakikat asasi akan kesalingberhubungan dan kesalingbergantungan antara konsep dengan lainnya. Konsep-konsep ini disaran menjadi unsur-unsur utama system pendidikan Islam. Konsep-konsep yang beliau perkenalkan adalah: 1) Konsep agama (*din*), 2) Konsep manusia (*insan*), 3) Konsep ilmu (*ilm dan ma`rifah*), 4) Konsep kebijaksanaan (*hikmah*), 5) Konsep keadilan (*`adl*), 6) Konsep perbuatan yang benar (*amal sebagai adab*), dan 7) Konsep universitas (*kulliyah-jami`ah*).

Hakikatnya menjadikan Islam sebagai paksi dalam pembangunan kurikulum di institusi pengajian tinggi atau institusi pendidikan adalah selaras dengan pegangan rukunegara yang pertama, iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Rukunegara yang menjadi panduan rakyat Malaysia ini dengan nyata meletakkan agama dan ketuhanan sebagai asas terpenting kehidupan rakyat yang seharusnya dihayati dalam semua peringkat kehidupan, khususnya melalui pendidikan. Ia kemudiannya diperteguhkan lagi melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menggariskan pendidikan sebagai satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara. Kerajaan Malaysia telah menyatakan “*Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara kearah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.*” (Kementerian Pendidikan Malaysia 2005). Justeru itu, Falsafah Pendidikan Islam telah mula dilaksanakan secara berperingkat di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Komponen intelek, rohani, emosi dan jasmani diberi penekanan secara

bersepadu dan menyeluruh dengan berasaskan kepercayaan kepada Tuhan menepati kehendak falsafah pendidikan Islam yang mengarah kepada pembentukan manusia sebagai insan yang seimbang yang berilmu dan berakhlak mulia. (Tajul Ariffin 1993). Penghayatan secara integral, sepadu dan menyeluruh amatlah perlu tanpa memecah-mecahkan juzuk ilmu kepada juzuk yang lebih kecil seperti apa yang dilakukan oleh sekularisasi dalam sistem pendidikan barat.

Berkesinambungan daripada itu, model ini telah diaplikasikan dalam membangunkan modul subjek-subjek yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teras. Setiap subjek sebagaimana yang disyorkan oleh al-Attas (2003) harus merujuk kepada konsep Tuhan, Esensi dan Sifat-sifatNya (*tawhid*); wahyu (kitab suci al-Quran), makna dan pesannya; Hukum yang diwahyukan (*shariah*) dengan segala tuntutananya; Rasulullah SAW kehidupan dan sunnahnya, serta sejarah dan pesan para Nabi sebelumnya. Selain itu juga ia harus merujuk kepada ilmu tentang prinsip dan pengamalan Islam, ilmu-ilmu agama (*al-ulum al-shar`iyyah*), yang harus merangkumi unsur-unsur yang sah dari tasawwuf dan filsafat Islam, termasuk doktrin-doktrin kosmologis yang benar yang berkaitan dengan tata-tingkat (hierarchy) wujud, dan ilmu tentang etika Islam, prinsip moral serta adab. Disamping itu harus ditambahkan pula ilmu tentang bahasa Arab dan pandangan alam (*worldview*) Islam secara umum.

Merujuk Bengkel Taklimat Pelaksanaan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) oleh pihak MQA kepada IPTS yang berlangsung pada 20 Disember 2012, semua IPTS diminta mengikuti garis panduan terkini MQA yang perlu dilaksanakan sepenuhnya oleh semua IPTS menjelang Sesi Pengajian Sept 2013/2014. (Bengkel Taklimat Pelaksanaan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Bagi IPTS Zon Tengah (Selangor)). MPU yang dibangunkan oleh MQA dirangka berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial. Untuk tujuan penyeragaman dan memudahkan pengendalian bagi semua IPTS, pihak MQA telah memperkenalkan Konsep Pengajian MPU yang mencakupi empat kumpulan matapelajaran seperti berikut:

KUMPULAN	PENERANGAN
Kumpulan U1	Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah
Kumpulan U2	Penguasaan Kemahiran Insaniah
Kumpulan U3	Perluasan ilmu pengetahuan mengenai Malaysia
Kumpulan U4	Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan ko-kurikulum

Berikutan itu, Landskap Pendidikan KUIS sedayanya cuba menterjemahkan hal ini ‘*from model to module*’ melalui peratus pemberat jumlah jam kredit PPT mengikut spesifikasi MPU yang disyaratkan oleh MQA dan pemberat bagi setiap program. KUIS pada sesi II 2013/14 telah mengklasifikasikan setiap subjek kepada tiga kategori iaitu subjek wajib MQA, subjek wajib Universiti dan subjek wajib PPT. Di mana ketiga-tiga kategori ini menobatkan subjek-subjek yang berkiblatkan Islam sebagai kompas utama. KUIS mengambil kesempatan hasil daripada perubahan yang berlaku diperingkat MQA dengan menawarkan subjek-subjek MPU berikut:

KUMPULAN	PENERANGAN
Kumpulan U1	Hubungan Etnik, TITAS, Pengajian Malaysia dan Bahasa Melayu Komunikasi
Kumpulan U2	Tasawwur Islam dan Teknologi dalam Kehidupan Insan
Kumpulan U3	Asas Dakwah dan Fiqh Jinayat dan Muamalat
Kumpulan U4	Latihan Bina Insan

Manakala subjek wajib Universiti adalah subjek Pengantar al-Quran, subjek Adab di dalam menuntut Ilmu, Falsafah dan Pemikiran Islam, Fiqh Ibadat dan Munakahat dan Asas Sains Kesihatan. Bagi subjek wajib PPT pula terdiri daripada subjek bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Kesemua subjek-subjek di atas dirumpukan di dalam satu kumpulan ilmu yang dikenali sebagai ilmu teras. Subjek-subjek teras inilah yang mendepani sekaligus membezakan KUIS dengan universiti-universiti yang lain. Perlu diperingatkan kemunasabahan kewujudan PPT di KUIS adalah penzahiran sistem pendidikan yang menetapkan bahawa ilmu teras sebagai



pasak dan tiang seri kepada KUIS yang menjulang ilmu yang wajib bagi setiap Muslim iaitu ilmu *fard`ayn*.

### **TRANSFORMASI LANDSKAP PENDIDIKAN KUIS : SATU JIHAD PENDIDIKAN**

Sejajar dengan pandangan Awang Sariyan (2009) bahawa proses terbentuknya peradaban itu memerlukan wasilah tertentu, dan pendidikan dapat dikatakan sebagai wasilah yang terpenting untuk memungkinkan terbentuknya peradaban. Hal ini sedemikian kerana pendidikanlah yang membentuk diri, peribadi, dan sahsiah manusia, baik sebagai individu mahupun sebagai masyarakat. Sejajar dengan pandangan Ibn Khaldun (1332-1406) bahawa manusia hakikatnya adalah sebagai peneroka kemajuan, maka melalui pendidikan sebagai proses penyerapan nilai-nilai dan penemuan-penemuan baharu dapat dibawa ke dalam masyarakat. Proses penyerapan nilai dan penemuan baharu inilah yang memungkinkan masyarakat manusia dinamis dan terus maju, selama nilai dan penemuan baharu itu tidak bertentangan dengan nilai teras kepercayaan dan pegangan kepada konsep ketuhanan dalam masyarakat (dalam konteks masyarakat Islam, nilai teras itu adalah nilai keagamaan).

Keseriusan KUIS di dalam menjayakan jihad pendidikan telah bermula di peringkat paling asas iaitu melalui penubuhan Sekolah Bina Insan yang bakal menjadi *feeder* kepada KUIS. Berkesinambungan dari aspirasi ini, Pusat Pengajian Teras dengan sedaya upaya memikul amanah yang diberi dengan mendokong prinsip *Islam as Core* dalam membangunkan kurikulum bagi subjek-subjek teras, aspirasi ini diperteguhkan lagi melalui subjek-subjek bersifat *Core Competency* yang menjurus kepada kemahiran dalam bidang dalam melaksanakan *Core Curriculum* dalam ertikata yang sebenarnya melalui penyusunan semula lanskap pendidikan KUIS. Berpandukan falsafah pendidikan Islam yang bermatlamat menciptakan insan yang baik dan soleh, memegang amanah sebagai khalifah Allah SWT, tetapi dalam masa yang sama, tidak alpa dalam menjalankan tugas sebagai abid dapat diterjemahkan, PPT mengorak langkah dalam mujahadah mengembalikan kegemilangan Islam melalui pendidikan masa kini.

Justeru itu pendidikan dalam Islam bukan sekadar untuk melahirkan tenaga kerja mahir atau warganegara yang baik. Lebih daripada itu, tujuan pendidikan Islam ialah melahirkan insan Muslim yang berilmu, beriman dan beramal soleh. Pendidikan Islam lebih tepat merupakan proses *ta'dib* (penyemaian dan pengukuhan adab), dalam diri insan. Ini kerana medan

semantik *ta'dib* meliputi unsur-unsur ilmu, pengajaran (*ta'lim*) dan pertumbuhbesaran (*tarbiyyah*) (Al-Attas 1999). Menzahirkan tujuan ini dalam proses pendidikan, nyata bukan suatu tugas mudah dan pastinya memerlukan penghayatan menyeluruh semua warga, khususnya warga Pusat Pengajian Teras. Ianya harus bermula dari dalam diri guru sabagai murabbi sebelum mampu disalurkan ilmunya kepada qalbu murid. Mengalirnya ilmu dari guru melalui medium 'qalbu' yang penuh rasa kasih sayang dan cinta kepada murid, pastinya membuahkan manisnya ilmu dan lazatnya hikmah dari penghayatan terhadap keilmuan tersebut.

Oleh yang demikian, peranan guru dalam mencapai matlamat pendidikan menurut Islam sangat penting dan berbeza dari sistem pendidikan biasa kerana ianya bukan sekadar untuk mengajarkan ilmu dan teknik, atau mengajarkan sesuatu bahasa ibunda dan bahasa-bahasa asing atau sekadar memperkenalkan sejarah dan peradaban tempatan atau Eropah, tetapi ia sebenarnya adalah proses pembentukan suatu generasi baru, yang berbeza cara berfikir dan akhlaknya (al-Nadwi 1987). Hasilnya pula bukan dapat dijangkau dalam tempoh yang singkat, malah mungkin mengambil masa beberapa generasi untuk memperbaiki kerosakan sistem pendidikan hari ini yang kering kontang ruh dan jiwanya dari penggantungan serta penggantungan penuh pada Allah SWT. Persoalan-persoalan seperti, bagaimana belajar ICT dapat mendekatkan pelajar kepada Allah SWT, adakah dengan mempelajari akaun akan menambah rasa cinta pelajar kepada agama, bagaimana mempelajari bahasa Inggeris atau Jepun mampu menambah cinta pelajar kepada Rasulullah SAW dan adakah terdapat agama dalam mempelajari statistik? Sungguh tidak mudah membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Inilah hakikat jihad dalam pendidikan.

Namun hakikat masa kini adalah berkaitan terpinggirnya penghayatan ruh Islam kesan daripada beberapa perkara antaranya ialah kerana kepesatan pembangunan dan kemodenan di era globalisasi yang tidak seimbang dengan perkembangan rohaniah (Nik Aziz Nik Pa dan Noraini Idris 2008). Rentetan itu, sepatutnya kita wajar memahami dan menghayati ruh pendidikan Islam dalam erti kata yang sebenar. Sewajarnya pendidikan bukan untuk melahirkan pelajar robot tetapi melahirkan insan *ta'dibi*. Apa yang dibimbangi budaya mempelajari Pendidikan Islam hanya untuk lulus peperiksaan sedangkan nilai kesedaran terhadap kecintaan kepada ilmu, kecintaan kepada Allah SWT dan RasulNya berada pada tahap yang minima (Hashim Yaacob dan Abdul Jalil Othman 2007). Pelajar hilang daya

intelektual dan kritis dalam mencari makna ilmu dan memaknai ilmu. Tujuan belajar tidak dapat difahami, apatah lagi untuk dihayati kepada pembentukan pendidikan awal telah menjuruskan pelajar kepada pendidikan berorientasikan peperiksaan. Pelajar tidak lagi dapat menghubungkan, jauh sekali dari menghayati secara integral ilmu-ilmu yang dipelajari untuk diamalkan dalam mendepani cabaran kemelut hidup dewasa kini. Hanya dengan mengembalikan ruh pendidikan melalui keyakinan pegangan hidup bertuhan pada martabat yang sewajarnya, kerosakan masyarakat dan generasi akan datang dapat diatasi.

## **PENUTUP**

Di atas rasa kesedaran dan keinsafan bahawa pendidikan penuh dengan kemelut yang tidak bertepian, ketika Barat sudah mula mencari makna dan halatuju pendidikan sebenar melalui asas agama, KUIS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang mengangkat 'Islam' pada namanya wajar muncul dihadapan menawarkan solusi dan alternatif kepada pendidikan arus perdana. Lanskap Pendidikan KUIS (LPK) yang baru akan mengguna pakai lanskap yang ditawarkan oleh PPT secara sepenuhnya. Pelaksanaan LPK dijangka bermula pada Sesi II 2013/2014 bagi semua program pengajian mengikut syarat MQA. Pelaksanaan sistem pendidikan baru KUIS dengan LPK ini akan melalui beberapa fasa sebelum mencapai fasa kematangan, menjelang Sesi Mei 2016/2017. Pelaksanaan secara berfasa (berperingkat) ini perlu bermula, dan ia bukan merupakan satu tindakan tergesa-gesa kerana melalui pelaksanaan ini membolehkan penambahbaikan dilakukan dari masa ke semasa dalam setiap fasa. Kejayaan PPT melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi ini memerlukan mujahadah berterusan seluruh warganya dan kefahaman mendalam terhadap semangat serta tujuan penubuhannya yang bersifat 'teras'.

## RUJUKAN

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1989. *Islam and The Philosophy Of Science*. Kuala Lumpur: UIAM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: ABIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1991. *The Concept of Education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Faruqi, Ismail. 1991. Kata Pengantar. Dlm. *Pengislaman Ilmu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Awang Sariyan 2009. Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari*. Bil 1.
- Hashim Yaacob dan Abdul Jalil Othman. 2007. *Dunia Pendidikan dalam era Globalisasi: Peranan dan Cabaran*. Dlm Majalah Pendidikan 30(1).
- Hassan Langgulung. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Shah Alam: Hizbi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1988. *Falsafah Pendidikan Negara*. UKM.
- Kuis. 2011. *Buku Panduan Transformation Of Kuis*. Bandar Seri Putra: KUIS
- Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. 2008. *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 tahun Merdeka*. Kuala Lumpur. Utusan Distributors.
- Siddiq Fadil. 2012. *Islam Dan Melayu: Martabat Umat Dan Daulat Rakyat*. Bangi, Selangor: Aras Mega.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Selangor. As-Syabab Media
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1991. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Muhammad Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: UM.